akan menyediakan kelompok kritikal PKS kita untuk menjadi sebahagian daripada wilayah ekonomi yang berdaya saing tinggi, tetapi juga akan mengukuhkan keupayaan asas mereka untuk meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi. Kami mengharapkan kejayaan besar bersama PKS pada tahun-tahun yang mendatang.



acquisition and adoption, certification and market presence.

Sustainable Growth Strategies and Expansion Plans

While we are working closely with the Government and various proponents of SME development to steadily raise the contribution of SMEs to 41% of GDP by 2020, SMEs are expected to sustain their growth strategies and expansion plans in today's dynamic marketplace. The willingness of the SMEs to adapt to the evolving policy

environment in itself will put them on a progressive track. According to a survey conducted by us in 2013, majority of the SME respondents were expecting an improved performance in 2014 across all priority economic sectors and sizes. The growth (local and regional) will be supported by sustained domestic demand, higher tourism and improvement in exports.

To further accelerate the journey of SMEs on their development path, the Government has launched an evidence-based SME Masterplan (2012-2020), which will not only prepare the critical mass of our SMEs to be part of a highly competitive economic region, but will also strengthen their fundamental capabilities to enhance their contribution to the economy. We look forward to great innings with the SMEs in the coming years.





“Sesebuah organisasi hanya boleh kekal relevan jika ia mampu untuk bukan sahaja mewujudkan atau menyampaikan nilai kepada jaringan rumit pihak berkepentingan, bahkan dapat menetapkan tanda aras baharu, mentakrif semula parameter kejayaan, dan mengilhamkan perubahan positif demi kemajuan. Di SME Corp. Malaysia, dasar organisasi dan program kami yang telus, strategi pembangunan dan pengekalan bakat, serta rekod prestasi kukuh pasukan kami yang berpengalaman, semuanya menyumbang kepada keberkesanan dan relevansi peranan kami yang berterusan.”

Maklumat Korporat

Corporate Information

“An organisation can only remain relevant if it is able to not just create or deliver value to its complex web of stakeholders, but is able to set new benchmarks, redefine parameters of success, and inspire positive change for progress. At SME Corp. Malaysia, our transparent organisational policies and programmes, talent development and retention strategies, and a strong track-record of our experienced teams, all contribute to establishing our continuing role and relevance.”

Mengenai Organisasi Kami • *About Our Organisation*



YAB Perdana Menteri mendengar penerangan mengenai Kiosk Solar GreeNomad bersama-sama Timbalan Menteri MITI dan Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia.

YAB Prime Minister being briefed on Solar GreeNomad Kiosk along with Deputy Minister of MITI and Chief Executive Officer of SME Corp. Malaysia.

Sebagai sebuah organisasi unik yang memangkinkan pembangunan PKS, kami tetap memberi tumpuan kepada peranan kami untuk memperkasakan PKS dengan gabungan yang betul di antara pengetahuan dan kemahiran dengan peluang yang berterusan untuk mengembangkan jaringan perniagaan mereka. Matlamat utama dan tujuan hakiki kewujudan kami adalah untuk melihat PKS Malaysia berkembang menjadi usaha keusahawanan yang berjaya dan berjenama global.

Peranan Utama Kami

SME Corp. Malaysia adalah sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar dan strategi keseluruhan untuk PKS dan menyelaras pelaksanaan program pembangunan PKS yang dikendalikan oleh kesemua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai



“As a unique organisation catalysing SME development, we remain focused on our role to empower SMEs with the right combination of knowledge and skills, and continuous opportunities to grow their business networks. To see the evolution of Malaysian SMEs into successful entrepreneurial ventures and global brands is our ultimate objective and the very purpose of our existence.”

Our Key Role

SME Corp. Malaysia is a Central Coordinating Agency that formulates overall policies and strategies for SMEs and coordinates the implementation of SME development programmes across all related Ministries and Agencies. It acts as the central point of reference for research and data dissemination on SMEs, as

well as, provides advisory services for SMEs in Malaysia. SME Corp. Malaysia also assumes the role of the Secretariat to the National SME Development Council (NSDC), which is chaired by YAB Prime Minister of Malaysia.

The Beginning of Our Journey

The genesis of SME Corp. Malaysia dates back to 2 May 1996, when a specialised agency was established under the Ministry of International Trade and Industry (MITI) to spur the development of Small and Medium Enterprises (SMEs)



pusat rujukan untuk penyelidikan dan penyebaran data PKS, serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia juga berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Permulaan Perjalanan Kami

Pembentukan SME Corp. Malaysia bermula pada 2 Mei 1996, apabila sebuah agensi khusus telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk menggalakkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan menyediakan kemudahan infrastruktur, bantuan kewangan, khidmat nasihat, akses kepada pasaran serta program-program sokongan yang lain. Dahulunya dikenali sebagai **Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)**, matlamatnya adalah untuk membangunkan PKS Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan untuk bersaing di pasaran global.

Penubuhan **Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)** pada tahun 2004 adalah merupakan satu permulaan lembaran baru dalam pembangunan PKS di Malaysia. Sebagai sebuah badan penggubal dasar tertinggi, ia berperanan untuk merumuskan strategi pembangunan PKS dalam semua sektor ekonomi; menyelaras tugas Kementerian dan Agensi berkaitan; menggalakkan kerjasama dengan sektor swasta; serta memastikan keberkesanan pelaksanaan Program Pembangunan PKS secara keseluruhan di negara

ini. Inisiatif di bawah MPPK ini termasuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan; penstrukturan kewangan; khidmat nasihat, maklumat, latihan dan pemasaran; serta pengwujudan pangkalan data PKS yang menyeluruh bagi memantau kemajuan PKS dalam semua sektor ekonomi.

Pada tahun 2007, MPPK telah memutuskan untuk melantik sebuah agensi khusus untuk menggubal dasar dan strategi untuk PKS secara keseluruhan dan menyelaras program-program di semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. SMIDEC telah ditugaskan untuk memegang peranan tersebut dan transformasinya secara rasmi kepada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) telah bermula pada 2 Oktober 2009. SME Corp. Malaysia kini merupakan pusat rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat untuk semua PKS di Malaysia.



Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. National SME Development Council (NSDC) Meeting chaired by YAB Prime Minister.

by providing infrastructure facilities, financial assistance, advisory services, market access and other support programmes. Then known as the **Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC)**, its aim was to develop capable and resilient Malaysian SMEs to be competitive in the global market.

The establishment of the **National SME Development Council (NSDC)** in 2004 was the beginning of another chapter in SME development in Malaysia. As the highest policy-making body, its role was to formulate strategies for SME development across all economic sectors; coordinate the tasks of related Ministries and Agencies; encourage partnership with the private sector;

and ensure effective implementation of the overall SME Development Programmes in this country. Initiatives under the NSDC include enhanced access to financing; financial restructuring; advisory services, information, training and marketing coordination; and a comprehensive SME database to monitor the progress of SMEs across all economic sectors.

In 2007, the NSDC decided to appoint a single dedicated agency to formulate overall policies and strategies for SMEs and to coordinate programmes across all related Ministries and Agencies. SMIDEC was tasked to assume the role and the official transformation into **Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia)** commenced on 2 October 2009. SME Corp. Malaysia is now the central point of reference for information and advisory services for all SMEs in Malaysia.

Melangkaui dasar dan program, aspirasi kami adalah untuk memupuk atau meningkatkan keyakinan PKS Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menggalakkan pertumbuhan industri, modal insan berkualiti, teknologi inovatif dan perintis, serta kemajuan negara. Semua fungsi kami melengkapi usaha kami dalam memenuhi objektif utama iaitu memangkin pembangunan PKS.

Fungsi Utama Kami

1. Penyelarasan Dasar dan Program

- Merangka dasar umum PKS dalam semua sektor.
- Menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dan program anjuran Kementerian dan Agensi yang berkaitan.

2. Pusat Khidmat Nasihat dan Maklumat

- Menyediakan khidmat nasihat perniagaan melalui Pusat Rujukan Setempat (ORC).
- Menyebarkan maklumat mengenai dana dan insentif Kerajaan untuk PKS.
- Saluran maklum balas mengenai isu PKS.
- Perhubungan bagi komuniti domestik dan antarabangsa berkaitan hal-hal PKS.

3. Pengurusan Data, Penyebaran Maklumat dan Penyelidikan berkaitan PKS

- Menguruskan Pangkalan Data Kebangsaan PKS.
- Menjalankan penyelidikan berkaitan PKS.
- Menerbitkan laporan dan statistik berkaitan PKS.
- Melaksanakan program capaian.

4. Sokongan Perniagaan

- Memupuk dan membina PKS yang kompetitif melalui program pembangunan kapasiti yang spesifik dan bantuan kewangan.

- Mempertingkatkan daya saing PKS dengan menggunakan kaedah diagnostik Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE).

- Menyediakan sokongan infrastruktur kepada PKS.

- Menyediakan rangkaian perniagaan dengan syarikat besar dan syarikat multinasional.

5. Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)

- Mencadangkan dasar dan memastikan keputusan MPPK dilaksanakan dengan berkesan.

- Memberi sokongan pentadbiran kepada MPPK.



Our Key Functions

1. **Coordination of Policies and Programmes**

- Formulate broad SME policies across all sectors.
- Coordinate, monitor and evaluate effective implementation of policies and programmes across relevant Ministries and Agencies.

2. **Centre on Advisory and Information**

- Provide business advisory through the One Referral Centre (ORC).
- Disseminate information on Government funds and incentives on SMEs.
- Channel for feedback on SME issues.
- Liaison for domestic and international communities on SME matters.

3. **Management of Data, Dissemination of Information and Research on SMEs**

- Manage National SME Database.
- Undertake research on SMEs.
- Publish SME-related reports and statistics.
- Undertake outreach programmes.

“Beyond policies and programmes, our aspiration is to instil or boost confidence of Malaysian SMEs to assume a greater role in promoting industry growth, quality human capital, innovative and pioneering technologies and national progress. All our functions complement our efforts in meeting the one objective of catalysing SME development.”

4. **Business Support**

- Nurture and develop competitive SMEs through specific capacity building programmes and financial assistance.
- Enhance competitiveness of SMEs using the SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE) diagnostic tool.
- Provide infrastructure support for SMEs.
- Facilitate linkages with large companies and MNCs.

5. **Secretariat to the National SME Development Council (NSDC)**

- Propose policies and ensure decisions of the NSDC are effectively implemented.
- Provide administrative support for the NSDC.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)

Dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, dengan perwakilan daripada Kementerian dan Agensi utama yang terlibat dalam pembangunan PKS, MPPK berperanan sebagai badan penggubal dasar tertinggi yang menetapkan hala tuju strategik dasar-dasar Kerajaan bagi pembangunan PKS, bertujuan untuk memastikan penyelarasan dan keberkesanan menyeluruh program-program Kerajaan.


Pada tahun 2013, MPPK telah mengadakan mesyuarat-mesyuaratnya yang ke-14 dan ke-15, di mana ianya telah menyarankan beberapa inisiatif utama bagi menggalakkan lagi sektor PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan.

Mesyuarat MPPK ke-14: Pada Mesyuarat MPPK ke-14, sebanyak 2 keputusan utama telah dipersetujui:

- **Kelulusan untuk Definisi Baharu PKS**

Salah satu keputusan utama yang dibuat semasa Mesyuarat MPPK ke-14 adalah untuk meluluskan definisi baharu PKS. Berkuat kuasa pada 1 Januari 2014, PKS didefinisikan seperti berikut:

Definisi Baharu PKS



National SME Development Council (NSDC)

Chaired by YAB Prime Minister of Malaysia, with representation from key Ministries and Agencies involved in SME development, the NSDC serves as the highest policy-making body that sets the strategic direction for Government policies on SME development, to ensure the overall coordination and effectiveness of Government programmes.

In 2013, NSDC convened its 14th and 15th meetings, which recommended


several key initiatives to further promote a competitive and resilient SME sector.

14th NSDC Meeting: Under the 14th NSDC meeting, 2 major decisions were agreed upon:

- **Endorsement of the New SME Definition**

One of the key decisions made during the 14th NSDC meeting was to endorse a new definition of SME. Effective 1 January 2014, SMEs are defined as follows:

New SME Definition



Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)

- **Penubuhan Panel Penasihat Perniagaan PKS (SBAP)**

Majlis juga telah bersetuju dengan penubuhan Panel Penasihat Perniagaan PKS (SBAP) yang berperanan memberi input berkaitan strategi pembangunan dan keusahawanan PKS bagi mewujudkan syarikat-syarikat bertaraf dunia. Langkah ini adalah selaras dengan aspirasi Malaysia untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi dan kesejahteraan sosial negara. Panel ini, yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), terdiri daripada 12 *ex-officio*, 10 pemimpin perniagaan, 6 perniagaan antarabangsa, 3 ahli akademik dan 22 pakar bidang khusus, tempatan dan luar negara. Di antara ahli panel tersebut adalah Dr. Paul Temporal dari Sekolah Perniagaan Saïd, Universiti Oxford. Mesyuarat pertama yang bertemakan "Pengantarabangsaan PKS menerusi Penjenamaan", telah diadakan pada 14 November 2013.

Mesyuarat MPPK ke-15: Pada Mesyuarat MPPK ke-15, sebanyak 2 keputusan utama telah dipersetujui:

Breakout Strategy bagi Perusahaan Mikro



- **Breakout Strategy bagi Perusahaan Mikro**

Pada Mesyuarat MPPK ke-15, Majlis telah bersetuju dengan mekanisme *Breakout Strategy* bagi Perusahaan Mikro, yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan mempercepatkan pertumbuhan Perusahaan Mikro dalam semua sektor ekonomi di Malaysia. *Breakout Strategy* menangani keperluan dan pembangunan belia, wanita dan PKS luar bandar. Di bawah Strategi ini, sebanyak 5 program tertumpu telah dirancang:

Kesedaran dan Capaian

Meningkatkan kesedaran Perusahaan Mikro mengenai pelbagai sumber sokongan yang tersedia untuk mereka.

Memperkuhkan kedudukan SME Corp. Malaysia sebagai entiti setempat untuk semua sokongan berkaitan Perusahaan Mikro.

National SME Development Council (NSDC)

- **Establishment of the SME Business Advisory Panel (SBAP)**

The Council had also agreed on the establishment of the SME Business Advisory Panel (SBAP) to provide inputs on SME development and entrepreneurship strategies in creating world-class companies. This is in line with Malaysia's aspiration to enhance SME contributions to the economy and social well-being of the country. The Panel, chaired by YB Minister of International Trade and Industry (MITI) comprises 12 ex-officios, 10 business leaders, 6 international businesses, 3 academicians and 22 subject matter


experts, both local and foreign. Among others is Dr. Paul Temporal from Saïd Business School, University of Oxford. The first meeting, themed "Internationalisation of SMEs through Branding", was held on 14 November 2013.

15th NSDC Meeting: Under the 15th NSDC meeting, 2 major decisions were agreed upon:

- **Breakout Strategy for Micro Enterprises**

At the 15th NSDC Meeting, the Council agreed on the mechanism of the Breakout Strategy for Micro Enterprises, which is aimed at improving productivity and accelerating the growth of Micro Enterprises across all economic sectors in Malaysia. The Breakout Strategy addresses the needs and development of youth, women and rural SMEs. Under this Strategy, 5 focused programmes have been planned.

Breakout Strategy for Micro Enterprises



Awareness and Outreach

Increase MEs awareness of the support resources available to them.

Strengthen SME Corp. Malaysia's positioning as a one-stop entity for all ME-related support.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)

Program-program tertumpu ini merangkumi 35 inisiatif yang bertujuan untuk menangani keperluan khusus Perusahaan Mikro yang diterajui oleh 5 inisiatif utama sebagai penggerak pertama, iaitu; Kit Pemula, Program Baucar Produktiviti, Kit Kaedah Produktiviti, Akses kepada Pasaran dalam Talian, serta Kesedaran mengenai Ketersediaan dan Aksesibiliti Kewangan.

- **Akta PKS**

Majlis telah mengesahkan rangka kerja awal Akta PKS dan telah mengarahkan Sekretariat untuk meneruskan usaha bagi mewujudkan Akta PKS yang akan merangkumi ekosistem PKS. Skop Akta yang dicadangkan akan merangkumi 6 bidang iaitu: Prinsip Umum, Rangka Kerja Institusi, Akses ke Pasaran, Insentif Khusus, Pembiayaan untuk PKS, serta Kewajiban Pelbagai Pihak di bawah Akta. Ia akan menjadi rangka kerja yang dibentuk atas dasar penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dan penyelidikan latar belakang yang akan dilaksanakan dengan sewajarnya.

PELAN TINDAKAN PKS BERSEPADU (SMEIPA) 2013

Sebagai sebuah institusi tertinggi, SME Corp. Malaysia secara berperingkat-peringkat menyelaraskan, memantau dan menilai program pembangunan PKS merentasi 15 Kementerian dan lebih 60 Agensi. Sehubungan dengan

ini, Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) menyediakan himpunan maklumat dan penilaian mengenai keberkesanan program yang dilaksanakan, bagi menyokong PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan.

Pada tahun 2013, Kerajaan bersama sektor swasta telah melaksanakan sebanyak 157 program dengan komitmen kewangan sebanyak RM11.99 bilion. Sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Induk PKS (2012-2020), program-program ini telah diklasifikasikan di bawah 6 bidang tumpuan, iaitu Pembangunan Modal Insan, Akses kepada Pembiayaan, Penerapan Inovasi dan Teknologi, Akses kepada Pasaran, Infrastruktur, serta Persekitaran Perundangan dan Kawal Selia. Program-program ini telah disasarkan bagi membantu dan memanfaatkan PKS melalui 887,581 projek yang diluluskan di seluruh Malaysia.



National SME Development Council (NSDC)

These focused programmes comprise 35 initiatives aimed at addressing specific requirements of Micro Enterprises that are anchored by 5 first-mover priority initiatives, namely: Start-up Kit, Productivity Voucher Programme, Productivity Toolkits, Access to Online Markets, as well as, Awareness on Finance Availability and Accessibility.

- **SME ACT**

The Council endorsed the initial framework of the SME Act and had instructed the Secretariat to proceed with the proposal to establish an SME Act that will cover the SME ecosystem. The proposed scope of the Act will encompass 6 areas, namely: General Principle, Institutional Framework, Market Access, Specialised Incentives, Financing for SMEs, as well as, Obligations of Parties under the

Act. It will be a framework designed on the basis of various stakeholders' engagements and background research that will be duly conducted.

SME INTEGRATED PLAN OF ACTION (SMEIPA) 2013


As an apex institution, SME Corp. Malaysia is progressively coordinating, monitoring, and evaluating SME development programmes across 15 Ministries and more than 60 Agencies. In view of this, the SME Integrated Plan of Action (SMEIPA) provides a compilation of information and assessment on the effectiveness of the programmes implemented, to support competitive and resilient SMEs.


In 2013, the Government together with the private sector implemented a total of 157 programmes with financial commitment of RM11.99 billion. As outlined in the SME Masterplan (2012-2020), these programmes have been classified under 6 focus areas, namely Human Capital Development, Access to Financing, Innovation and Technology Adoption, Market Access, Infrastructure, as well as, Legal and Regulatory Environment. These programmes were targeted to assist and benefit SMEs via 887,581 approved projects across Malaysia.




Struktur Organisasi • *Organisational Structure*

Dalam merangka struktur organisasi kami, langkah-langkah wajar telah diambil untuk mewujudkan suasana kerjasama dan sepakat merentasi pangkat dan bahagian, dengan budaya prestasi yang cemerlang.





In structuring our organisation, utmost care has been taken to create a state of cooperation and concurrence across levels and divisions, with a culture of performance beyond measure.







Kami mungkin mempunyai berbagai haluan demi memenuhi keperluan pelbagai pihak berkepentingan, tetapi kami mempunyai pendekatan bersatu, dengan satu matlamat tunggal.

We may be walking in many directions to cater to the needs of our multiple stakeholders, but we have a unified approach, with a singular purpose.

Ahli Perbadanan

Members of Corporation

YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid • Pengerusi / Chairman

Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid, JP adalah berkelulusan Diploma Teknologi dari Oxford College of Further Education dan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Awam dari University of Aston, Birmingham, United Kingdom. Beliau juga telah dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah - Doktor Sains oleh Aston University. Beliau merupakan Ahli Korporat Institut Kejuruteraan Malaysia (M.I.E.M) dan adalah seorang Jurutera Profesional (P.Eng.).



Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid, JP holds a Diploma in Technology from Oxford College of Further Education and a Degree in Bachelor of Science in Civil Engineering from Aston University, Birmingham, United Kingdom. He was also conferred an Honorary Doctorate Degree - Doctor of Science by University of Aston. He is a Corporate Member of the Institution of Engineers Malaysia (MIEM) and a Professional Engineer (P.Eng.) by profession.

Pada tahun 1979, beliau telah berkhidmat di Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) sebagai Jurutera Projek dan kemudiannya menjadi Pengarah Eksekutif, Maju Bangun Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari PKNP. Kemudian, beliau telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Bandaraya Ipoh dari tahun 1989 hingga 1997. Pada tahun 1989, beliau telah dilantik sebagai Jaksa Pendamai (JP). Kini, Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di beberapa buah syarikat tersenarai dan tidak tersenarai, iaitu sebagai Pengerusi Eksekutif, Country View Berhad; Pengerusi Eksekutif, Nylex (M) Berhad; Pengerusi Eksekutif, Redberry Sdn. Bhd.; Pengerusi, Nexbis Limited (syarikat tersenarai di Bursa ASX); Pengarah, Ancom Berhad; dan Pengarah, MCIS Zurich Insurance Berhad.

Sumbangan Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin dalam arena sukan telah diiktiraf melalui pelantikan beliau dalam pelbagai organisasi sukan, iaitu sebagai Presiden, Persatuan Badminton Perak (sejak 1994); Naib Presiden, Persatuan Badminton Malaysia (sejak 1994); Setiausaha Kehormat, Persatuan Badminton Malaysia (1997-2000); Ahli Lembaga, Majlis Sukan Perak (1998-1999); Ahli Majlis Eksekutif, Persatuan Badminton Malaysia (sejak 2000); Ahli Lembaga, Majlis Sukan Negara (2001-2005); Pengerusi, Jawatankuasa Kejujutan, Persatuan Badminton Malaysia (sejak 2006); Ahli Lembaga, Majlis Sukan Negara (dilantik semula sejak 2010); Timbalan Presiden, Persatuan Badminton Malaysia (2011-2013); dan Naib Presiden, Gabungan Badminton Asia (2011-2015).

Di antara jawatan berkaitan industri yang telah dipegang oleh beliau adalah termasuk Pengerusi Majlis Industri Kimia Malaysia (1999-2009); Pengerusi Majlis Industri Kimia ASEAN (1999-2001); dan Pengerusi Bersama yang dilantik pada Dialog Kimia APEC (2000-2010).

Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin juga terlibat secara aktif di dalam Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk sebagai Presiden, Persatuan Alumni Universiti Aston Malaysia (sejak 2007); Pengerusi, Jawatankuasa Golf & Rekreasi, Kelab Golf & Desa Glenmarie (sejak 2009); dan Ahli Majlis Perniagaan Malaysia China (ASLI) (sejak 2009).

Sejak Oktober 2006, beliau telah berkhidmat sebagai Pengerusi SME Corp. Malaysia, sebuah Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan peningkatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pada Oktober 2010, Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid telah dilantik oleh Perdana Menteri Malaysia sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), sebuah organisasi ulung di Malaysia yang menguruskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) secara strategik demi kepentingan negara.



In 1979, he served at Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) as a Project Engineer and later became the Executive Director of Maju Bangun Sdn. Bhd., a subsidiary of PKNP. Later, he served as Ipoh City Councilor from 1989 to 1997. In 1989, he was appointed as Justice of Peace (JP). Today, Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin serves in various capacities in several listed and non-listed companies as Executive Chairman of Country View Berhad; Executive Chairman of Nylex (M) Berhad; Executive Chairman of Redberry Sdn. Bhd.; Chairman of Nexbis Limited (ASX listed company); Director of Ancom Berhad; and Director of MCIS Zurich Insurance Berhad respectively.

Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin's contributions in sports are recognised through his appointments in various sports organisations as President, Perak Badminton Association (since 1994); Vice President, Badminton Association of Malaysia (since 1994); Honorary Secretary, Badminton Association of Malaysia (1997-2000); Board Member, Perak Sports Council (1998-1999); Executive Council Member, Badminton Association of Malaysia (since 2000); Board Member, National Sports Council (2001-2005); Chairman, Tournament Committee, Badminton

Association of Malaysia (since 2006); Board Member, National Sports Council (reappointed since 2010); Deputy President, Badminton Association of Malaysia (2011-2013); and Vice President, Badminton Asia Confederation (2011-2015).

Among the industry-related positions that he held include Chairman, Chemical Industries Council of Malaysia (1999-2009); Chairman, Asean Chemical Industries Council (1999-2001); and Elected Co-Chair at APEC Chemical Dialogue(2000-2010).

Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin's Hj. Abdul Majid's active participation in Non-Governmental Organisations (NGOs) includes as President, Aston University Alumni Association of Malaysia (since 2007); Chairman, Golf & Recreation Committee of Glenmarie Golf & Country Club (since 2009); and Council Member, Malaysia China Business Council (ASLI) (since 2009).

Since October 2006, he has served as the Chairman of SME Corp. Malaysia, a Government Agency responsible for the development and enhancement of Small and Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia under the Ministry of International Trade and Industry (MITI). In October 2010, Datuk Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid was appointed by the Prime Minister of Malaysia as Council Member of the National Information Technology Council (NITC), Malaysia's premier organisation that strategically manages Information and Communications Technology (ICT) in the interest of the nation.

Encik Mohd. Ridzal Sheriff • Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman

Dengan pengalaman lebih 2 dekad yang amat berharga dalam Sektor Kewangan, Encik Mohd. Ridzal Sheriff kini berkhidmat dalam tempoh perjawatannya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Kerjaya profesional beliau bermula pada masa yang agak rancak buat Malaysia pada tahun 90-an apabila peranan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah dipertingkatkan menjadi badan pengawas untuk industri sekuriti, opsyen dan kewangan hadapan, serta instrumen pasaran modal. Suruhanjaya Sekuriti telah menyerap fungsi Jawatankuasa

With over 2 decades of invaluable experience in the Financial Sector, Encik Mohd. Ridzal Sheriff is currently serving his term as the Deputy Secretary General (Trade) at the Ministry of International Trade and Industry (MITI). His professional career began at an exciting time for Malaysia in the 1990s when the Securities Commission Malaysia (SC) was stepped-up as a watchdog for the



securities, options and financial futures industries, as well as, capital market instruments. SC absorbed the functions of the Capital Issues Committee (CIC) and Panel on Takeovers and Mergers (PTM), and with the introduction of the Futures Industry Act 1992, the whole dynamics of the financial sector moved into a new direction.

Against this backdrop, in 1990, Encik Mohd. Ridzal joined the Corporate Finance Division of D&C Nomura Merchant Bank, better known today as RHB Investment Bank. Following this, he joined Usaha Tegas Sdn. Bhd., a Malaysian investment holding company under the Ananda Krishnan Group of companies - as part of Corporate Finance where he had gained insights into companies across various sectors of Usaha Tegas' principal investments that included telecommunications, property, and oil and gas. After a brief tenure, Encik Mohd. Ridzal made an astute career move by joining a credible boutique stockbroking company with nearly 3 decades of established track record - SJ Securities - driving their International Sales. After 3 years of exposure to regional markets, he assumed a leadership role when he joined Ultimate Futures Sdn. Bhd. as its Managing Director, which served as a springboard for Encik Mohd. Ridzal to steer his career towards Bursa

Malaysia. He first joined the Malaysian Derivatives Clearing House Berhad - a subsidiary of Bursa Malaysia as its CEO for nearly 2 years before being appointed as General Manager of the Clearing, Settlement and Depository Division (CSD) of Bursa Malaysia.

He was later appointed as the Head of Group Business Development at Bursa Malaysia. Following that, he served a term of 5 years with Deutsche Bank Malaysia in multiple roles including Director, Corporate Investment Banking; Head, Global Transaction Banking Malaysia; and Head, Direct Securities Services Malaysia.

Encik Mohd. Ridzal's past association with premier organisations such as Securities Commission of Malaysia, Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia and Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC); and his formidable network comprising reputable Governmentlinked Companies (GLCs), Government-linked Investment Companies (GLICs) and Large Local Corporations put him in a good stead as he joined SME Corp. Malaysia as a Member of Corporation, in the capacity of Deputy Chairman.

In addition to his past directorships at Deutsche Corporate Advisory Malaysia; Malaysian Derivatives Clearing House Berhad (MDCH); and Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange Berhad (KLOFFE), he is also currently the Chairman and Director of Deutsche Trustees Malaysia Berhad.

Encik Mohd. Ridzal Sheriff holds a Bachelor's Degree in Law (LLB) (Honours) from University of London. Among his professional qualifications are Kuala Lumpur Stock Exchange Dealer's Representative's Licence and Futures Broker's Representative's Licence.

Encik Mohd. Ridzal Sheriff • Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman

Terbitan Modal (CIC) dan Panel untuk Pengambilalihan dan Penggabungan (PTM), dan dengan pengenalan Akta Industri Hadapan 1992, keseluruhan dinamik sektor kewangan telah berganjak ke satu arah baru.

Bersandarkan senario ini, pada tahun 1990, Encik Mohd. Ridzal telah menyertai Bahagian Kewangan Korporat, D&C Nomura Merchant Bank, yang lebih dikenali hari ini sebagai Bank Pelaburan RHB. Kemudian, beliau telah menyertai Usaha Tegas Sdn. Bhd., sebuah syarikat pemegang pelaburan Malaysia di bawah Kumpulan Syarikat Ananda Krishnan - dalam Bahagian Kewangan Korporat di mana beliau telah memperolehi pengetahuan mendalam mengenai syarikat-syarikat dalam pelbagai sektor pelaburan utama Usaha Tegas termasuk telekomunikasi, hartanah, serta minyak dan gas.

Selepas tempoh memegang jawatan yang singkat, Encik Mohd. Ridzal telah membuat keputusan kerjaya yang bijak dengan menyertai sebuah syarikat broker saham berwibawa yang mempunyai rekod prestasi mantap hampir 3 dekad - SJ Securities - dengan mengendalikan Jualan Antarabangsa. Selepas mendapat pendedahan kepada pasaran serantau, Encik Mohd. Ridzal telah memegang peranan kepemimpinan apabila menyertai Ultimate Futures Sdn. Bhd. sebagai Pengarah Urusan yang telah menjadi batu loncatan untuk beliau mengemudi kerjaya beliau ke arah Bursa Malaysia.

Beliau pada mulanya telah menyertai Gedung Penjelasan Derivatif Malaysia Berhad - sebuah syarikat subsidiari Bursa Malaysia - sebagai Ketua Pegawai Eksekutif selama hampir 2 tahun sebelum dilantik menjadi Pengurus Besar, Bahagian Penjelasan, Pembayaran dan Deposit (CSD) di Bursa Malaysia.

Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Ketua, Pembangunan Perniagaan Kumpulan di Bursa Malaysia. Setelah itu, beliau telah berkhidmat selama 5 tahun di Deutsche Bank Malaysia dalam pelbagai peranan

termasuk Pengarah, Perbankan Pelaburan Korporat; Ketua, Perbankan Transaksi Global Malaysia; dan Ketua, Perkhidmatan Sekuriti Langsung Malaysia.

Pembabitan Encik Mohd. Ridzal dengan organisasi ulung seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC); serta jaringan beliau yang mengagumkan merangkumi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs) dan Syarikat Korporat Tempatan Besar, kedua-duanya adalah amat berguna apabila beliau dilantik sebagai Ahli Perbadanan, SME Corp. Malaysia dalam kapasiti Timbalan Pengerusi. Selain daripada pernah memegang jawatan pengarah di Deutsche Corporate Advisory Malaysia; Malaysian Derivatives Clearing House Berhad (MDCH); dan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur Berhad (KLOFFE), beliau juga kini adalah Pengerusi dan Pengarah, Deutsche Trustees Malaysia Berhad.

Encik Mohd. Ridzal Sheriff berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian) dari University of London. Di antara kelayakan profesional beliau adalah Lesen Wakil Peniaga Saham dan Lesen Wakil Broker Niaga Hadapan Pasaran Saham Kuala Lumpur.



YBhg. Dato' Hafsa Hashim • **Ahli / Member**



Dato' Hafsa Hashim merupakan Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia. Seorang graduan dengan Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Aston University, United Kingdom, Dato' Hafsa berpengalaman luas

Dato' Hafsa Hashim is the Chief Executive Officer of SME Corp. Malaysia. A graduate with a Bachelor's Degree in Applied Science from Universiti Sains Malaysia and a Master's Degree in Business Administration from Aston University, United Kingdom, Dato' Hafsa possesses vast experience in Public Sector Administration and has served in several Ministries including Ministry of International Trade and Industry (MITI), Ministry of Agriculture (MOA) and Ministry of Primary Industries (MPI).

YBhg. Dato' Hafsah Hashim • Ahli / Member

dalam Pentadbiran Sektor Awam dan telah berkhidmat di beberapa Kementerian termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Kementerian Pertanian (MOA) dan Kementerian Perusahaan Utama (MPI). Dato' Hafsah kini adalah Ahli Majlis Penasihat Perniagaan, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) (2012-2013); Ahli Lembaga, Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU); Ahli Majlis Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan (SSCDF); Ahli Pembangunan Herba Negara (2011-2013); Ahli Lembaga, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC); dan Ahli Tetap Jawatankuasa Kerja Kerjasama Perindustrian di bawah Jawatankuasa Bersama Kementerian Malaysia-Singapura untuk Kerjasama Perindustrian (JMCIC). Beliau juga adalah ahli dalam Lembaga Pengarah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB); Lembaga Penasihat Persatuan Industri dan Usahawan ICT Bumiputera Malaysia (NEF); Panel Penasihat Sekolah Perniagaan Antarabangsa, Universiti Teknologi Malaysia (UTM-IBS); Lembaga Penasihat Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) (2012-2014); Lembaga Penasihat Universiti-Industri, Universiti Utara Malaysia (2012-2013); dan Lembaga Penasihat Universiti-Industri / Komuniti, Universiti Sains Malaysia (2013-2015).

Minat yang mendalam serta usaha gigih Dato' Hafsah dalam pembangunan syarikat di Malaysia, terutamanya PKS, telah terus diiktiraf melalui pelantikan beliau sebagai Ahli Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan (PEMUDAH); Ahli Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3); Ahli Majlis Pembangunan Logistik Kebangsaan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3); Setiausaha, Kumpulan Kerja Teknikal PKS bagi Bab PKS di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3); Ahli Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Pengarang IMP3; Ahli Jawatankuasa Pemandu untuk Kajian Rangka Kerja Makro dan IMP3; Pengerusi, Kumpulan Kerja

Agensi PKS ASEAN (2000-2001); Pengerusi, Lembaga Penasihat PKS dan Kumpulan Kerja PKS ASEAN 2011; Penceramah Sumber dalam pelbagai forum antarabangsa mengenai pembangunan PKS; Pengerusi Bersama untuk Etika Perniagaan di kalangan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dalam Sektor Peralatan Perubatan; dan Naib Presiden, Asia dan Oceania, di bawah Kongres Perniagaan Kecil Antarabangsa (ISBC).

Di bawah kepimpinan Dato' Hafsah Hashim, SME Corp. Malaysia telah merumuskan Pelan Induk PKS 2012-2020 yang mencarta hala tuju pembangunan PKS sehingga tahun 2020. Di peringkat antarabangsa, Dato' Hafsah telah merintis pelbagai usaha kerjasama dengan agensi pembangunan PKS yang lain pada peringkat dua hala, iaitu dengan Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri India (FICCI); Pejabat Promosi PKS Thailand (OSMEP); Pentadbiran Perniagaan Kecil dan Sederhana (SMBA) Republik Korea; dan Pertubuhan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (KOSGEB) Turki.

Selain daripada itu, Dato' Hafsah Hashim juga pernah dilantik oleh Unit Perancang

Dato' Hafsa is currently a Council Member of Business Advisory Council, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) (2012-2013); Board Member of Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU); Council Member of Services Sector Capacity Development Fund (SSCDF); Member of National Herb Development Council (2011-2013); Board Member of Penang Skills Development Centre (PSDC); and Permanent Member of the Working Committee on Industrial Cooperation under the Malaysia-Singapore Joint Ministerial Committee on Industrial Cooperation (JMCIC). She is also on the Board of Directors of Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB); Board of Advisors for Malaysian Association of Bumiputera ICT Industry and Entrepreneurs (NEF); Advisory Panel for International Business School, Universiti Teknologi Malaysia (UTMIBS); Advisory Panel for Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED) (2012-2014); Advisory Panel for University-Industry, Universiti Utara Malaysia (2012-2013); and Advisory Panel for University- Industry / Community, Universiti Sains Malaysia (2013-2015).

Dato' Hafsa's strong passion and hard work in the development of companies in Malaysia, particularly SMEs, are

further recognised by her appointment as Member of the Special Task Force to Facilitate Business (PEMUDAH); Council Member of Malaysian Services Development Council under the Third Industrial Master Plan (IMP3); Council Member of National Logistics Development Council under the Industrial Master Plan (IMP3); Secretary to SME Technical Working Group of the SME Chapter of IMP3; Member of Steering Committee of IMP3 Editorial Committee; Member of Steering Committee on the Review of the Macro Framework and Targets of IMP3 (2006-2020); Chairman of ASEAN SME Agency Working Group (2000-2001); Chairman of ASEAN SME Advisory Board and SME Working Group 2011; Resource Speakers in various international forums on SME development; Co-Chair on Business Ethics among ASEAN Economic Community (AEC) in the Medical Devices Sector; and Vice President, Asia and Oceania, under the International Small Business Congress (ISBC).

Under Dato' Hafsa Hashim's leadership, SME Corp. Malaysia has formulated the SME Masterplan 2012-2020 that charts the direction of SME development until the year 2020.

At the international level, Dato' Hafsa has initiated various collaborations and cooperations with other SME development agencies at the bilateral level, namely the Federation of Indian Chambers of Commerce & Industry (FICCI) of India; Office of SME Promotion of Thailand (OSMEP); Small and Medium Business Administration (SMBA) of Republic of Korea; and Small and Medium Industry Development Organisation (KOSGEB) of Turkey. Apart from that, Dato' Hafsa had also been appointed by the Economic Planning Unit (EPU) as an Advisor to the G-G IDS Yemen Study on 'Recommendations for the Industrial Development Strategy for Yemen' in 2010.

Eager to improve Malaysian women's role in enterprises and to ensure that women entrepreneurs are integrated

YBhg. Dato' Hafsah Hashim • Ahli / Member

Ekonomi (UPE) sebagai Penasihat kepada Kajian G-G IDS Yemen mengenai 'Cadangan untuk Strategi Pembangunan Perindustrian Yemen' pada tahun 2010.

Bertekad mempertingkatkan peranan wanita Malaysia dalam perusahaan dan untuk memastikan agar usahawan wanita diintegrasikan dalam arus perdana pembangunan ekonomi, Dato' Hafsah telah merintis pelbagai program untuk pembangunan usahawan wanita, seperti Anugerah Usahawan Wanita Kebangsaan; Program Latihan untuk Usahawan Wanita di kalangan Negara-negara Anggota OIC di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP); Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita; kursus latihan bulanan bagi meningkatkan kemahiran pemasaran untuk usahawan wanita; penerbitan Direktori Usahawan Wanita; dan program latihan dan misi kajian luar negara untuk usahawan wanita.

Sebagai pengiktirafan ke atas kesungguhan dan komitmen beliau, Kerajaan Malaysia telah mengurniakan beberapa anugerah kepada Dato' Hafsah Hashim termasuk Anugerah Tokoh Ketua Eksekutif (2012) dari PERDASAMA; Felo Kehormat Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN (AFEO) (2010); Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) (2006) dari Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Ahli Mangku Negara (AMN) (1994); Anugerah Khidmat Cemerlang (1993) dan Anugerah Khidmat Cemerlang (2000).

into the mainstream of economic development, Dato' Hafsah has initiated various programmes for the development of women entrepreneurs, such as the National Women Entrepreneur Award; Training Programme for Women Entrepreneurs among OIC Member Countries under the Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP); National Convention for Women Entrepreneurs; monthly training courses on enhancing marketing skills for women entrepreneurs; publication of the Directory of Women Entrepreneurs; and overseas training programmes and study missions for women entrepreneurs.

In recognition of her dedication and commitment, the Malaysian Government has conferred on Dato' Hafsah Hashim numerous awards including Anugerah Tokoh Ketua Eksekutif (2012) by PERDASAMA; Honorary Fellow of ASEAN Federation of Engineering Organisations (AFEO) (2010); Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) (2006) by the Head of State of Penang, Ahli Mangku Negara (AMN) (1994); Excellence Service Award (1993); and Excellence Service Award (2000);



YBhg. Dato' Tajuddin Atan • **Ahli / Member**



Dato' Tajuddin Atan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Bursa Malaysia pada 1 April 2011. Beliau adalah graduan dari Universiti Putra Malaysia berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perniagaan Tani dan memegang Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University (Amerika Syarikat).

Dato' Tajuddin memulakan kerjaya beliau dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) pada tahun 1983 di mana beliau telah memegang beberapa jawatan kanan, dalam tempoh lebih dari 16 tahun, termasuk bertugas di cawangan

bank di New York. Designasi terakhir beliau di Bumiputra Commerce Bank, entiti hasil penggabungan di antara Bank of Commerce Berhad dan BBMB, adalah sebagai Bendahari di Bahagian Perbendaharaan. Beliau berkecimpung dalam arena korporat selama beberapa tahun seterusnya, di mana beliau telah menimba pengalaman berharga dalam penstrukturan semula kewangan, pengurusan strategik korporat dan penambahbaikan kecekapan operasi di pelbagai syarikat tersenarai dalam bidang perkapalan, pembangunan hartanah dan pembinaan, serta elektronik, khususnya semasa berkhidmat sebagai Pengarah Urusan, Chase Perdana Berhad dari Julai 2001 sehingga September 2004.

Semangat kerja berpasukan mengatasi segala kemungkinan besar, menjadikan setiap halangan satu peluang untuk meningkatkan usaha serta pencapaian.

"The spirit of teamwork prevails againts all odds, making every obstacle an opportunity to do more and achieve more"

Pengurusan Kanan

Senior Management

Pengurusan Kanan • *Senior Management***YBhg. Dato' Hafsah Hashim**

Ketua Eksekutif

Chief Executive Officer



Puan Rohana Ramly

Timbalan Ketua Eksekutif,
Penyelarasan dan Pembangunan
*Deputy Chief Executive Officer,
Coordination and Development*



Encik Saifol Bahri Mohamad Shamlan

Timbalan Ketua Eksekutif,
Pelaksanaan
*Deputy Chief Executive Officer,
Implementation*

**Puan Karunajothi Kandasamy**

Pengarah Kanan,
Bahagian Ekonomi dan Perancangan Dasar
Senior Director,
Economics and Policy Planning Division

**Puan Mimi Razidah Abd. Razak**

Pengarah,
Bahagian Pengurusan Korporat
Director,
Corporate Management Division

**Encik Meor Kamal Azhar Meor Hamzah Lotfi**

Pengarah Kanan,
Bahagian Pembangunan Perniagaan
(Berkhidmat mulai September 2013)
Senior Director,
Business Development Division
(Joined in September 2013)

**Encik Zaky Moh**

Pengarah,
Bahagian Teknologi Maklumat
Director,
Information Technology Division

**Encik Mohd. Izham Abdullah**

Pengarah,
Bahagian Koordinasi Program
Director,
Programme Coordination Division

**Puan Sharifah Najwa Syed Abu Bakar**

Pengarah,
Sekretariat Kerjasama Antarabangsa dan
Unit Pembangunan Usahawan Wanita
Director,
International Cooperation Secretariat and
Women Entrepreneurship Development Unit

**Puan Suraya Kulop Abdul Rahman**

Pengarah,
Unit Transformasi Strategik
*Director,
Strategic Transformation Unit*

**Encik Mohd. Rithaudden Makip**

Pengarah,
Bahagian Khidmat Nasihat dan Sokongan Perniagaan
*Director,
Business Advisory and Support Division*

**Puan Nazatul Shima Reza**

Pengarah,
Bahagian Komunikasi Korporat
*Director,
Corporate Communications Division*

**Puan Fadzilah Ahmad Din**

Pengarah Kanan,
Bahagian Pembangunan Perniagaan
(Bersara pada Ogos 2013)

*Senior Director,
Business Development Division
(Retired in August 2013)*

**Encik Fozian Ismail**

Pengarah Kanan,
Penasihat (Kaunselor Perniagaan)
(Bersara pada September 2013)

*Senior Director,
Advisor (Business Counsellor)
(Retired in September 2013)*

**Tuan Hj. Ahamad Shuhiamy Hj. Mohamed Hashim**

Ketua Pegawai Operasi
(Meletak jawatan pada April 2013)

*Chief Operating Officer
(Resigned in April 2013)*





"Di SME Corp. Malaysia, anda akan menemui minda terbaik beraksi untuk membantu mengkonsepsikan platform, program dan juga dasar yang bermakna dan berorientasikan hasil, yang akan memanfaatkan potensi PKS dan mengemudi mereka ke arah pencapaian yang lebih besar di dalam perniagaan dan perdagangan.

"In action, at SME Corp. Malaysia, you will find the best minds at work, helping conceptualise meaningful and results-orientated platforms, programmes and even policies that will harness the potential of SMEs, and steer them towards greater achievements in business and trade."

Program Teras

Flagship Programmes

Program Teras • *Flagship Programmes*

Pameran SMIDEX yang diadakan secara tahunan adalah platform yang unggul untuk kami, PKS, bagi meningkatkan pemahaman dan kerjasama di antara ahli-ahli komuniti perniagaan, baik tempatan mahupun antarabangsa. Sesi pepadanan perniagaan juga telah membantu kami memperolehi pemahaman mengenai trend-trend terkini dan amalan-amalan terbaik perniagaan, mewujudkan jambatan yang akan menyambung dan menghubungkan kami dengan rakan-rakan di luar negara untuk belajar dengan lebih lanjut mengenai pertumbuhan ekonomi, serta peluang-peluang perdagangan dan pelaburan.

Pengarah Urusan Kumpulan, Romstar Sdn. Bhd.

PROGRAM AKSES KEPADA PASARAN

Pameran Tahunan PKS - SMIDEX 2013

Dihilamkan seiring dengan 'Fenomena Global' untuk berhubung dengan dunia melalui jaringan insan, Pameran Tahunan PKS ke-16 - SMIDEX 2013 telah dianjurkan pada 12-14 Jun 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

SMIDEX 2013, yang dimeriahkan dengan kehadiran YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menyediakan platform untuk PKS Malaysia memapar dan mempamerkan kemampuan mereka dalam menghasil dan membekalkan produk, perkhidmatan dan teknologi yang berkualiti tinggi untuk pasaran domestik, serantau dan antarabangsa. Acara tahunan ini telah mengekalkan tumpuannya kepada Pelan Induk PKS (2012-2020) dengan tema "SMEs Changing the Game" dan telah berasaskan konsep kitaran hidup perniagaan, yang membentangkan semua aspek yang mungkin perlu diketahui tentang kitaran perniagaan yang progresif - dari peringkat awal memulakan perniagaan sehingga menjadi syarikat terkemuka di peringkat antarabangsa.

Pameran di SMIDEX 2013 menangani keperluan PKS dari peringkat penajaan idea, pendaftaran entiti perniagaan, penyediaan sokongan (peringkat awal hingga



YBhg. Dato' Hafsa Hashim mengalu-alukan pelawat ke **SMIDEX 2013**.
YBhg. Dato' Hafsa Hashim welcoming visitors to **SMIDEX 2013**.

pengkomersilan hasil penyelidikan dan pembangunan) sehingga ke penerokaan peluang perniagaan di pasaran eksport. Acara selama 3 hari ini termasuk *Pocket Talks* yang penuh dengan maklumat untuk PKS, sesi lawatan berpandu, pertandingan-pertandingan untuk para pengunjung, pertandingan fotografi dan pelancaran produk baharu.

Acara ini telah menyaksikan 8,706 pengunjung, dengan 406 ruang pameran dan 302 agensi dan syarikat yang mengambil bahagian daripada sektor Kerajaan dan sektor korporat, serta syarikat asing dari India, Korea, Itali, Turki, Mesir, Pakistan dan Brunei di bawah Pavilion Antarabangsa.



MARKET ACCESS PROGRAMMES

SME Annual Showcase - SMIDEX 2013

Conceptualised in keeping pace with the 'Global Phenomenon' of connecting with the world with human networks, the 16th SME Annual Showcase - SMIDEX 2013 was organised on 12-14 June, 2013 at the Kuala Lumpur Convention Centre.

SMIDEX 2013, graced by YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Minister in the Prime Minister's Department, provided a platform for Malaysian SMEs to display and exhibit their profound capabilities in producing

The annual SMIDEX showcase is a perfect platform for us, the SMEs, to increase our understanding and cooperation between other members of the business community, both locally and internationally. The business matching sessions also helped us gain insights on the latest business trends and best practices, creating a bridge that will connect and link us to our counterparts abroad in learning more about their economic growth, as well as, trade and investment opportunities.

Group Managing Director, Romstar Sdn. Bhd.

and supplying products, services and technologies of high quality for the domestic, regional and international markets. The annual event maintained its focus on the SME Masterplan (2012-2020) with the theme "SMEs Changing the Game" and was based on a business life cycle concept, which presented everything one may need to know about a progressive business life cycle - from the initial stages of business start-up to becoming global champions.

The exhibition at SMIDEX 2013 addressed the needs of SMEs right from the ideation stage, registration of business entity, provision of support (infancy stage through to the commercialisation of research and development results) to the exploration of business opportunities in the export markets. The 3-day event included exciting Pocket Talks for SMEs, guided-tour sessions, competitions for visitors, photography competition and new product launches.

The event saw 8,706 visitors, with 406 exhibition booths and 302 participating establishments from the Government and corporate sectors, as well as, foreign companies from India, Korea, Italy, Turkey, Egypt, Pakistan and Brunei under the International Pavillion. Renowned local organisations such as Proton Holdings Berhad (PROTON), Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA), Celcom (M) Berhad (CELCOM), TM Berhad (TM), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) and RHB Bank Berhad (RHB) had also participated in the showcase. With the support and sponsorships from MIDF, TM, Legoland Malaysia and CIMB Bank, the showcase was undoubtedly the best ever.



YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar di **SMIDEX 2013**.
YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar at **SMIDEX 2013**.

Organisasi tempatan yang terkenal seperti Proton Holdings Berhad (PROTON), Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA), Celcom (M) Berhad (CELCOM), TM Berhad (TM), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan RHB Bank Berhad (RHB) telah turut mengambil bahagian dalam pameran tersebut. Dengan sokongan dan tajaan daripada MIDF, TM, Legoland Malaysia dan CIMB Bank, pameran itu merupakan yang terbaik pernah dianjurkan.

Dengan kepelbagaian dari segi konsep, pendekatan dan penyertaan, banyak syarikat PKS telah mengambil peluang untuk menyertai dan meneroka cara-cara baharu menjalankan perniagaan. Syarikat-syarikat PKS telah mengambil bahagian secara aktif dalam 165 sesi pepadanan perniagaan, yang telah diadakan sepanjang berlangsungnya acara tersebut, dengan potensi jualan bernilai RM322.24 juta, iaitu 30.22% lebih tinggi daripada potensi jualan yang dicatatkan pada tahun 2012. Sesi pepadanan perniagaan telah diatur bersama rakan kerjasama kami di kalangan syarikat-syarikat multinasional - syarikat-syarikat utama dalam industri aeroangkasa iaitu Syarikat Boeing, BAE Systems, Dassault Aviation dan Snecma; jenama pasar raya besar seperti Giant, The Store, TESCO dan AEON; syarikat pembuatan automotif termasuk HiCom Diecasting Sdn. Bhd., HiCom Teck See Manufacturing Sdn.

Bhd., Oriental Summit Industries Sdn. Bhd. dan PHN Industry Sdn. Bhd.; serta platform perniagaan dalam talian iaitu MDEX dan PostMe. Sesi-sesi pepadanan perniagaan tersebut telah membantu meneroka peluang-peluang penyumberan luar berpotensi dengan syarikat-syarikat PKS.

Ganjaran istimewa untuk PKS adalah pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), yang telah diadakan semasa berlangsungnya acara tersebut, di antara SME Corp. Malaysia dengan Perbadanan Perniagaan Kecil dan Sederhana Korea (SBC); Kumpulan Wang Pembangunan Perusahaan Kecil, Yaman; dan Kumpulan Wang Pembangunan Keusahawanan, Kazakhstan, yang telah membuka alam baharu untuk kerjasama dan kolaborasi perniagaan dan perdagangan.



With such diversity in terms of concept, approach and participation, many SMEs seized the opportunity to participate and explore new ways of doing business. The SMEs actively took part in 165 pre-arranged business matching sessions, which were conducted on-site during the event, with potential sales valued at RM322.24 million, which was 30.22% higher than the potential sales recorded in 2012. The business meetings were arranged with our partners among multinational corporations - Aerospace players namely The Boeing Company, BAE Systems, Dassault Aviation and Snecma; Hypermarket brands such as Giant, The Store, TESCO and AEON; Automotive manufacturing companies including HiCom Diecasting Sdn. Bhd., Hicom Teck See Manufacturing Sdn. Bhd., Oriental Summit Industries Sdn. Bhd. and

PHN Industry Sdn. Bhd.; and online business platforms namely MDEX and PostMe. These meetings helped explore potential outsourcing opportunities with the SMEs.

The icing on the cake for the SMEs were the MoUs, that were signed at the event, between SME Corp. Malaysia and Small and Medium Business Corporation of Korea (SBC); Small Enterprise Development Fund, (Yemen); and Entrepreneurship Development Fund, (Kazakhstan), which opened up a whole new world for business and trade cooperation and collaborations.

Online Business Linkage Programme

At every presented opportunity, we encourage SMEs to be in the forefront of adopting new technology or ICT platforms and expand their market reach through effective use of business information and e-Commerce solutions. The Online Business Linkage Programme is an effort to create or bring about such positive awareness among SMEs, especially on the practical application of e-Commerce for business development and, in particular, the Malaysia Digital Enterprise Exchange (MDeX).

Kedua-dua teknologi dan inovasi amat diperlukan kerana mereka saling bergantung di antara satu sama lain dalam kitaran yang penting. Untuk menjadi inovatif memerlukan kepintaran, kreativiti, ketekunan, dan yang perlu ditanam oleh setiap organisasi ke dalam minda, hati dan jiwa mereka. Namun, ia juga melibatkan pemanfaatan. Ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan SME Corp. Malaysia melalui penyelarasan dan penyediaan sokongan perniagaan yang berkesan yang telah memberi inspirasi kepada PKS Malaysia dalam memperkasakan pertumbuhan perniagaan PKS.

Ketua Pegawai Eksekutif, Alam Sekitar Eco Teknologi

Program Rantaian Perniagaan dalam Talian

Pada setiap kesempatan yang ada, kami menggalakkan PKS untuk berada di barisan hadapan dalam menerapkan platform-platform teknologi atau ICT baharu dan mengembangkan capaian pasaran mereka melalui penggunaan berkesan maklumat perniagaan dan penyelesaian e-Dagang. Program Rantaian Perniagaan dalam Talian adalah satu usaha untuk mewujudkan atau menimbulkan kesedaran positif di kalangan PKS, terutamanya mengenai aplikasi praktikal e-Dagang dan, khususnya, *Malaysia Digital Enterprise Exchange (MDEX)* untuk pembangunan perniagaan.

Pada tahun 2013, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) telah menganjurkan sebanyak 7 bengkel di 6 negeri, iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak, Pulau Pinang, Pahang dan Perlis, dengan penyertaan seramai 974 peserta. Manage Pay Services Sdn. Bhd., Pos Malaysia Berhad dan Sing Tel Group telah diundang ke sesi-sesi tersebut untuk memperkenalkan PKS dengan pelbagai peluang e-Dagang yang terdapat dalam Niaga-ke-Niaga (B2B) dan Niaga-ke-Pengguna (B2C).

PROGRAM PEMBANGUNAN JENAMA-PKS

Dengan aspirasi untuk menjadi ekonomi yang maju, ianya adalah penting bagi kita untuk menjenamakan dan menjajar kedudukan syarikat-syarikat PKS Malaysia serta produk dan perkhidmatan mereka sebagai berkualiti paling tinggi di dalam pasaran global. Ini adalah matlamat di sebalik Program Pembangunan Jenama-PKS yang telah

diluluskan pada Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ke-7 pada 13 September 2007. Program ini telah dibangunkan bagi meningkatkan kebolehlihatan produk dan perkhidmatan Malaysia di kedua-dua pasaran tempatan dan antarabangsa. Inisiatif-inisiatif di bawah Program Pembangunan Jenama-PKS adalah seperti berikut:

National Mark of Malaysian Brand

SME Corp. Malaysia, dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd., telah membangunkan skim pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*, yang telah menjadi tanda Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan. Dengan matlamat untuk mengubah tanggapan bahawa produk PKS adalah berkualiti rendah dengan standard pembungkusan yang kurang baik berbanding dengan jenama besar, *National Mark of Malaysian Brand* telah berjaya membantu PKS Malaysia membina kredibiliti dan reputasi untuk kualiti yang setanding.

Sejak dilancarkan pada 2 Mac 2009 hingga Disember 2013, sejumlah 133 permohonan telah diterima. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 79 buah syarikat telah diberi pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*, manakala syarikat-syarikat yang selebihnya masih dalam proses pengauditan. SME Corp. Malaysia menyokong PKS dengan:

- Menyerap 50% daripada jumlah kos yang dikenakan oleh SIRIM QAS untuk memperolehi pensijilan *National Mark of Malaysian Brand*;

In 2013, SME Corp. Malaysia in collaboration with Multimedia Development Corporation (MDeC) organised a total of 7 workshops across 6 states, namely Negeri Sembilan, Malacca, Sarawak, Penang, Pahang and Perlis, with the attendance of 974 participants. Manage Pay Services Sdn. Bhd., Post Malaysia Berhad and Sing Tel Group were invited to the sessions to familiarise the SMEs with various e-Commerce opportunities available in Business-to-Business (B2B) and Business-to-Customer (B2C) spaces.

SME-BRAND DEVELOPMENT PROGRAMME

Aspiring to emerge as a developed economy, it is pertinent for us to strongly brand and position Malaysian SMEs, their products and services as representing highest standards of quality in the global marketplace. This is the idea behind our SME-Brand Development Programme, which was endorsed at the 7th National SME



“Both technology and innovation are indispensable as one begets the other in the virtuous cycle. To be innovative requires resourcefulness, creativity, perseverance, and vision that every organisation has to instil into their mind, heart and soul. Yet it also entails leverage. This may have not been possible without the support of SME Corp. Malaysia through its effective coordination and provision of business support which has inspired Malaysian SMEs in empowering elevated growth of SME business.”

Chief Executive Officer, Alam Sekitar Eco Technology



Development Council (NSDC) Meeting on 13 September 2007. This programme was developed to enhance the visibility of Malaysian products and services in both local and international markets. Initiatives under the SME-Brand Development Programme are as follows:

National Mark of Malaysian Brand

SME Corp. Malaysia, in partnership with SIRIM QAS International Sdn. Bhd. developed the certification scheme National Mark of Malaysian Brand, which has become the hallmark of Quality, Excellence and Distinction. Aimed at changing the notion

Program Teras • Flagship Programmes

- Menawarkan insentif sehingga jumlah maksimum RM400,000 bagi setiap syarikat yang layak di bawah Polisi Laluan Hijau untuk Program *Business Accelerator* (BAP), bagi menampung perbelanjaan yang berkaitan dengan Pengiklanan dan Promosi; Sistem Pengurusan Kualiti; dan Reka Bentuk dan Pembungkusan;
- Memudahkan akses kepada promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa serta aktiviti pengiklanan dan promosi yang dianjurkan oleh MATRADE;
- Mempelawa PKS menghadiri program-program yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia dan rakan-rakan kerjasamanya; dan
- Menyediakan peluang istimewa untuk pendedahan atau liputan media.

"National Mark of Malaysian Brand" mendorong kami ke tahap keyakinan yang lebih tinggi di samping mengekalkan kualiti, kecemerlangan dan keunggulan produk dan perkhidmatan. Dengan pensijilan ini, kami diiktiraf sebagai jenama global Malaysia yang mempunyai kebolehlihatan yang ketara di kedua-dua pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pengarah Urusan, Nutrivention Sdn. Bhd.



Galeri Penjenamaan dan Pembungkusan Bergerak: Melangkaui Kesedaran 2013 ('Brand Transformer')

Kami sentiasa berusaha untuk mengembangkan capaian dan perkhidmatan kami ke luar bandar melalui 11 pejabat negeri kami. Sama seperti PKS yang beroperasi di aliran utama pasaran, PKS luar bandar juga perlu



diberi pendedahan mengenai kepentingan dan nilai penjenamaan bagi memperoleh kebolehlihatan dan kelebihan perniagaan. Galeri Penjenamaan dan Pembungkusan Bergerak telah diwujudkan dengan objektif khusus ini, iaitu untuk mencapai PKS luar bandar di seluruh negara bagi menimbulkan kesedaran dan menyediakan latihan mengenai pelbagai aspek penjenamaan dan pembungkusan.

Galeri Penjenamaan dan Pembungkusan Bergerak merupakan sebuah kontena 'wing glider' berukuran 40 kaki panjang yang telah diubahsuai dan dilengkapi dengan pameran sampel dan bahan pembungkusan yang interaktif, mesra pengguna dan inovatif. Digelar sebagai 'Brand Transformer', inisiatif ini telah dilancarkan oleh DYT Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzuan di Hotel Palace of the Golden Horses pada 11 Oktober 2012.

of SME products being of inferior quality, with poor packaging standards in comparison with big brands, the National Mark of Malaysian Brand has successfully helped Malaysian SMEs build their credibility and reputation for quality at par.

Since its inception on 2 March 2009 until 31 December 2013, a total of 133 applications have been received. As at 31 December 2013, a total of 79 companies were certified with the National Mark of Malaysian Brand, while others were in the process of auditing. SME Corp. Malaysia supports the SMEs by:

- Absorbing 50% of the total cost imposed by SIRIM QAS for acquiring the National Mark of Malaysian Brand certification;
- Offering incentives up to RM400,000 maximum per qualifying company under the Green Lane Policy for Business Accelerator Programme (BAP), to cover expenses related to Advertising and Promotion; Quality Management System; and Design and Packaging;
- Facilitating access to the on-going local and international trade promotions and Advertising and Promotion (A&P) activities by MATRADE;
- Extending invitations to programmes organised by both SME Corp. Malaysia and its partners; and
- Providing the privilege of media exposure or coverage.

The National Mark of Malaysian Brand drives us to a higher level of confidence while maintaining the quality, excellence and distinction of our products and services. With the mark, we are recognised as a global Malaysian brand with enhanced visibility in both local and international markets.

Managing Director, Nutrivation Sdn. Bhd.

Branding and Packaging Mobile Gallery: Beyond Awareness 2013 (The 'Brand Transformer')

We have always tried to expand our reach and services beyond urban Malaysia through our 11 state offices and representations. Akin to the SMEs operating in the mainstream markets, rural SMEs must also be given some orientation on the importance and value of branding for gaining visibility and business advantage. The Branding and Packaging Mobile Gallery was established with this very objective, namely to reach out to rural SMEs across the country to raise awareness and provide training on various aspects of branding and packaging.

The Branding and Packaging Mobile Gallery is a 40-footer 'wing glider', which has been refurbished and fitted out





Penganugerahan sijil **National Mark of Malaysian Brand** oleh DYT Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

*The **National Mark of Malaysian Brand** certificate awarded by HRH Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.*

Program 'Brand Transformer' juga menyediakan latihan penjenamaan dan pembungkusan kepada PKS di seluruh negara. Agensi-agensi yang berkaitan seperti Kontena Nasional Berhad, SIRIM, DDEC, LUCT, MyIPO dan FMM telah diundang sebagai rakan kerjasama dan juga penceramah. Pada tahun 2013, galeri bergerak ini telah mengembara ke 21 lokasi di mana seramai 2,524 peserta telah menghadiri sesi latihan yang diadakan. Lokasi-lokasi yang telah dikunjungi adalah Seremban, Negeri Sembilan; Ayer Keroh, Melaka; Kota Bharu, Kelantan; Rompin, Pahang; Kangar, Perlis; Keningau, Sabah; Kuala Terengganu, Terengganu; Kelana Jaya, Selangor; Sungai Limau dan Sungai Petani, Kedah; Ipoh dan Bandar Seri Iskandar, Perak; Muar dan Johor Bahru, Johor; Kepala Batas dan Tasik Gelugor, Pulau Pinang; serta Serian, Limbang dan Miri, Sarawak.

PROGRAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

Program 1-Innovation Certification for Enterprise Rating and Transformation (1-InnoCERT)

Inovasi adalah cara terbaik dan paling terjamin bagi memperolehi pembezaan keluaran dan daya saing pasaran. Sejak dari awal pembentukan kami lagi, kami menggalakkan PKS untuk mewujudkan kerangka minda atau budaya organisasi yang melahirkan inovasi. Program 1-InnoCERT mula diperkenalkan untuk mengenal pasti, mengiktiraf dan

memperakui perusahaan dan PKS yang telah menggunakan proses, teknologi atau produk 'berinovasi' untuk pertumbuhan yang mampan.

Pada tahun 2013, sebanyak 90 PKS telah berjaya mendapat pensijilan selepas melalui proses audit di lokasi syarikat oleh SIRIM Berhad. PKS yang mempunyai pensijilan 1-InnoCERT layak untuk menyertai Anugerah Inovasi PKS yang diadakan setiap tahun, serta mendapat manfaat daripada pelbagai kemudahan dan insentif Polisi Laluan Hijau. Kemudahan dan insentif Polisi Laluan Hijau adalah termasuk:

- Kemudahan pembiayaan melalui rebat faedah 2% atau subsidi faedah setiap tahun, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM200,000 setahun. Pengecualian cukai setem ke atas dokumen perjanjian juga boleh diperolehi. Kemudahan tersebut disediakan oleh bank-

with an interactive, user-friendly and innovative display of packaging samples and materials. Dubbed as the 'Brand Transformer', the initiative was launched by HRH Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Crown Prince of Perak Darul Ridzuan at Palace of the Golden Horses Hotel on 11 October 2012.

The 'Brand Transformer' programme also provided training on branding and packaging to SMEs across the country. Relevant agencies such as Kontena Nasional Berhad, SIRIM, DDEC, LUCT, MyIPO and FMM were invited as both partners and speakers. In 2013, the mobile gallery travelled to 21 locations where a total of 2,524 participants had attended the training sessions conducted. The locations visited were Seremban, Negeri Sembilan; Ayer Keroh, Malacca; Kota Bharu, Kelantan; Rompin, Pahang; Kangar, Perlis; Keningau, Sabah; Kuala Terengganu, Terengganu; Kelana Jaya, Selangor; Sungai Limau and Sungai Petani, Kedah; Ipoh and Bandar Seri Iskandar, Perak; Muar and Johor Bahru, Johore; Kepala Batas and Tasik Gelugor, Penang; as well as, Serian, Limbang and Miri, Sarawak.

TECHNOLOGY DEVELOPMENT PROGRAMMES

1-Innovation Certification for Enterprise Rating and Transformation (1-InnoCERT) Programme

Innovation is the best and surest way to achieve product differentiation and market competitiveness. Since our very genesis, we have encouraged SMEs, to create a mindset or an organisation-wide culture that breeds innovation. Our 1-InnoCERT Programme was first



Para penerima pensijilan **1-InnoCERT** pada tahun 2013.
1-InnoCERT recipients in 2013.

introduced to identify, recognise and certify enterprises and SMEs, that have deployed 'innovative' processes, technologies or products for sustainable growth.

In 2013, a total of 90 SMEs were successfully certified after being audited through on-site audit by SIRIM Berhad. The 1-InnoCERT SMEs are eligible to participate in the annual SME Innovation Award, as well as, benefit from various facilities and incentives of the Green Lane Policy (GLP). These GLP facilities and incentives include:

- Financing facility by way of 2% interest rebate or interest subsidy every year, subject to a maximum amount of RM200,000 per year. Stamp duty exemption can also be availed on the loan agreement. Such facility is made available by participating banks such as SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia, Exim Bank, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF), Agro Bank and Malaysia Debt Ventures (MDV) among others;
- Single tax deduction of the costs incurred towards 1-InnoCERT certification fees for the first time; and
- Priority access to the Government Offset Programme, fast-track registration for e-Procurement and listing consideration in the Central Contract ("Senarai Kontrak Pusat").

In 2013, from a total of 12 1-InnoCERT companies that applied for incentives under the Green Lane Policy, 7 SMEs received loan approvals amounting to RM28.1 million. Similarly, we also collaborated with Bank Negara Malaysia and the Association

bank yang mengambil bahagian seperti SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia, Exim Bank, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF), Agro Bank dan Malaysia Debt Ventures (MDV);

- Potongan cukai ke atas perbelanjaan yang dikeluarkan bagi mendapatkan pensijilan 1-InnoCERT buat kali pertama; dan
- Akses keutamaan untuk Program Ofset dalam perolehan Kerajaan, pendaftaran pantas untuk e-Perolehan dan pertimbangan untuk penyenaian dalam Senarai Kontrak Pusat.

Pada tahun 2013, daripada 12 syarikat 1-InnoCERT yang memohon insentif di bawah Polisi Laluan Hijau, sebanyak 7 syarikat telah menerima kelulusan pinjaman berjumlah RM28.1 juta. Kami turut bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) dalam menganjurkan sebanyak 4 sesi bersama 8 syarikat 1-InnoCERT bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan akses kepada pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Sehingga kini, sebanyak 3 syarikat 1-InnoCERT telah berjaya mendapat kelulusan pembiayaan berjumlah RM6.5 juta daripada bank-bank perdagangan.

Dalam usaha kami meningkatkan lagi insentif dan kemudahan yang sedemikian, pada tahun 2013, kami telah memperkenalkan 'Baucar Inovasi' untuk PKS 1-InnoCERT, yang merupakan nota janji hutang untuk geran bayaran balik. PKS boleh menggunakan baucar ini untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan, pengiklanan dan promosi, pensijilan dan sistem pengurusan kualiti, serta pembungkusan.

Anugerah Inovasi PKS 2013

Anugerah tahunan, Anugerah Inovasi PKS, telah dianjurkan semasa berlangsungnya Pameran Tahunan PKS ke-16 (SMIDEX 2013), pada 12-14 Jun 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Sebanyak 26 PKS daripada Program 1-InnoCERT telah dicalonkan untuk anugerah ini. Anugerah utama adalah Anugerah PKS Paling Inovatif yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM1 juta. Di samping itu, para pemenang dalam 6 kategori sektor masing-masing telah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM200,000.

PKS yang telah memenangi anugerah ini pada tahun 2013 adalah:

- Romstar Sdn. Bhd. (Anugerah PKS Paling Inovatif & Anugerah Inovasi Terbaik dalam Perkhidmatan);
- Indkom Engineering Sdn. Bhd. (Anugerah Inovasi Terbaik dalam Pembuatan);
- Datamicron Sdn. Bhd. (Anugerah Inovasi Terbaik dalam ICT & Pembangunan Perisian);
- Alam Sekitar Eco-Technology Sdn. Bhd. (Anugerah Inovasi Terbaik dalam Teknologi Hijau);
- Furley Bioextracts Sdn. Bhd. (Anugerah Inovasi Terbaik dalam Bioteknologi & Agroteknologi); dan
- Gading Kencana Sdn. Bhd. (Anugerah Inovasi Terbaik dalam Kejuruteraan & Seni Reka Perindustrian).

Program *Light-Emitting Diode (LED) / Solid-State Lighting (SSL) 'Hijau'*

Untuk membina reputasi Malaysia sebagai salah satu pemain bertaraf dunia di dalam industri LED/SSL, SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan Program LED/SSL 'Hijau', yang merupakan salah satu Projek Permulaan (EPP 10) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Elektrik dan Elektronik (E&E). Program ini dibentuk untuk menyokong rancangan Kerajaan yang kukuh yang disasarkan bagi membantu syarikat-syarikat LED/

of Banks Malaysia (ABM) to facilitate 4 sessions with 8 1-InnoCERT companies to help address various issues concerning financial support offered by financial institutions. To date, 3 1-InnoCERT companies have received credit approvals, from commercial banks, amounting to RM6.5 million.

In our efforts to further enhance such incentives and facilities, in 2013, we introduced the 'Innovation Voucher' for 1-InnoCERT SMEs, which is a promissory note of reimbursable grant. SMEs can make use of this voucher for conducting research and development, advertising and promotion, certification and quality management system, as well as, packaging.

SME Innovation Award 2013

The annual SME Innovation Award was organised at the 16th SME Annual Showcase (SMIDEX 2013), held on 12-14 June 2013 at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). A total of 26 SMEs from the 1-InnoCERT Programme were nominated for the award. The most awaited award was the 'Top Most Innovative SME' which was entitled to RM1 million cash prize. Meanwhile, winners in 6 sector categories received a cash prize of RM200,000 each.

The winning SMEs in 2013 were:

- Romstar Sdn. Bhd. (Top Most Innovative SME Award & Best Innovation Award in Services);
- Indkom Engineering Sdn. Bhd. (Best Innovation Award in Manufacturing);



- Datamicron Sdn. Bhd. (Best Innovation Award in ICT & Software Development);
- Alam Sekitar Eco-Technology Sdn. Bhd. (Best Innovation Award in Green Technology);
- Furley Bioextracts Sdn. Bhd. (Best Innovation Award in Biotechnology & Agro Technology); and
- Gading Kencana Sdn. Bhd. (Best Innovation Award in Engineering & Industrial Design).

'Green' Light-Emitting Diode (LED) / Solid-State Lighting (SSL) Programme

To build on Malaysia's reputation of being one of the world-class players in the LED/SSL industry, SME Corp. Malaysia has been entrusted by the Government to implement the 'Green' LED/SSL Programme, which is one of the Entry Point Projects (EPP 10) under the Electric and Electrical (E&E) National Key Economic Area (NKEA). Our programme is designed to substantiate robust Government plans targeted to help local LED/SSL companies emerge as global champions, by improving their capabilities and providing access to finance in the form of partial grants and others. The objective is to support various process improvement activities, product development and testing, as well as, international certifications.

Under the 'Green' LED/SSL Programme, companies are also able to claim 50% of the cost incurred on machinery



Timbalan Menteri MITI, YB Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri di **SMIDEX 2013**.
Deputy Minister of MITI, YB Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri at **SMIDEX 2013**.

SSL tempatan menjadi syarikat global terkenal, dengan meningkatkan keupayaan mereka dan menyediakan akses kepada pembiayaan dalam bentuk geran separa dan bentuk pembiayaan lain. Objektif program ini adalah untuk menyokong pelbagai aktiviti penambahbaikan proses, pembangunan dan pengujian produk, serta pensijilan antarabangsa.

Di bawah Program LED/SSL 'Hijau', syarikat-syarikat juga boleh menuntut 50% daripada kos perbelanjaan yang dikeluarkan ke atas mesin dan peralatan, dengan had maksimum RM500,000. Selain daripada itu, syarikat-syarikat juga boleh menuntut, 50% daripada jumlah kos perbelanjaan untuk memperolehi pensijilan, dengan had maksimum RM500,000. Sehingga kini, sebanyak 10 buah syarikat telah mendapat manfaat daripada program ini.

Pada tahun 2013, Indeks Prestasi Utama (KPI) kami adalah untuk membolehkan sekurang-kurangnya 1 syarikat tempatan LED/SSL untuk menembusi pasaran antarabangsa. Sebanyak 2 syarikat iaitu PPlus Lighting Sdn. Bhd. dan HAN JDQ Sdn. Bhd. telah masing-masing berjaya

mengakses pasaran Amerika Syarikat dan Thailand dengan sistem lampu LED/SSL mereka yang telah mendapat pensijilan antarabangsa.

Selaras dengan hasrat kami untuk mewujudkan dan mengembangkan sekurang-kurangnya 5 syarikat LED/SSL tempatan bertaraf dunia menjelang tahun 2020, SME Corp. Malaysia telah melantik ISIS Innovation Limited (ISIS), sebuah cabang pengkomersilan di bawah Universiti Oxford, melalui wakil tempatannya, The Eurasia Consortium Sdn. Bhd. (TECM). Matlamat kami adalah untuk meningkatkan kapasiti syarikat-syarikat Malaysia dan mempercepatkan aktiviti pengkomersilan dan pengantarabangsaan di bawah 6 aliran kerja yang merangkumi Pensijilan dan Pengawalan; Sokongan Strategi Pemasaran; Carian Rakan Kerjasama



and equipment, with a limit of RM500,000. Similarly, companies can also claim 50% of the total cost of acquiring certifications, with a limit of RM500,000. To date, 10 companies have benefited from this Programme.

In 2013, our Key Performance Indicator (KPI) was to enable at least 1 local LED/SSL company to penetrate an international market. A total of 2 companies namely PPlus Lighting Sdn. Bhd. and HAN JDQ Sdn. Bhd. had successfully accessed the United States and Thailand markets, respectively, with their internationally certified LED/SSL Luminaires.

In keeping with our aspiration to create and grow a minimum of 5 world-class home-grown LED/SSL companies

by 2020, SME Corp. Malaysia has engaged ISIS Innovation Limited (ISIS), a commercialisation arm under the University of Oxford, through a local representative, The Eurasia Consortium Sdn. Bhd. (TECM). Our aim is to enhance the capacity of the Malaysian companies and expedite the commercialisation and internationalisation activities under 6 work streams that include Certification and Regulation; Marketing Strategy Support; International Partner Search; LED/SSL Technology Roadmap; Supply Chain Management; and Branding.

Technology Roadmap

The Global Information Technology Report (GITR) 2013 suggested that Malaysia is stable with its 30th position and confirmed our leadership as the highest ranked economy in developing Asia. Malaysia maintains relatively competitive regulatory and business environments and our Government continues to use ICTs extensively. We owe our performance to various initiatives and programmes that help to not only raise awareness but also establish the readiness of our industry to embrace technology for positive economic and social impacts.

One such initiative is the Technology Roadmap that focuses on SMEs to equip them with the latest and most relevant information on appropriate technologies across various sectors and sub-sectors of the industry (Technology Mapping). Supported by various Government Agencies, studies are also undertaken from time to time, to gain rich insights on technological challenges, as well as, opportunities available for the industry.

As at December 2013, Technology Talks on the following industries were organised for SMEs:

- Oil and Gas Opportunities (Sarawak);
- Coach and Grow Programme by CRADLE (Penang); and
- Technology in Halal Packaging (Terengganu).

A total of 300 participating SMEs in 3 seminars shared positive feedback on the programme, as well as, its benefits.



Antarabangsa; Pelan Hala tuju Teknologi LED/SSL; Pengurusan Rantaian Bekalan; dan Penjenamaan.

Pelan Hala Tuju Teknologi

Laporan Teknologi Maklumat Global (GITR) 2013 menunjukkan bahawa Malaysia adalah stabil dengan kedudukannya yang ke-30 dan mengesahkan negara ini sebagai ekonomi bertaraf tertinggi di rantau Asia yang sedang membangun. Malaysia mengekalkan persekitaran kawal selia dan perniagaan yang agak berdaya saing dan pihak Kerajaan meneruskan penggunaan ICT secara meluas. Prestasi baik negara ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif dan program yang bukan sahaja membantu meningkatkan kesedaran tetapi juga mewujudkan kesediaan industri untuk menerima pakai teknologi bagi menjana kesan ekonomi dan sosial yang positif.

Salah satu daripada inisiatif tersebut adalah Pelan Hala Tuju Teknologi yang memberi tumpuan kepada PKS bagi melengkapkan mereka dengan maklumat terkini dan paling relevan mengenai teknologi-teknologi yang sesuai merentasi pelbagai sektor dan sub-sektor industri (*Technology Mapping*). Dengan sokongan pelbagai Agensi Kerajaan, kajian-kajian dijalankan dari masa ke masa, untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai cabaran-cabaran teknologi, serta peluang-peluang yang sedia ada untuk industri berkaitan.

Sehingga Disember 2013, beberapa Ceramah Teknologi berkaitan dengan industri-industri berikut telah dianjurkan untuk PKS:

- Peluang-peluang di dalam Industri Minyak dan Gas (Sarawak);
- Program Bimbing dan Berkembang oleh CRADLE (Pulau Pinang); dan
- Teknologi dalam Pembungkusan Halal (Terengganu).

Sebanyak 300 PKS telah menyertai 3 seminar ini dan mereka telah memberi maklum balas yang positif mengenai program ini serta manfaat-manfaatnya.

Program Enabling e-Payment Services for SMEs and Micro Enterprises

Selaras dengan visi dan objektif Program Transformasi Digital (DTP) Kerajaan atau lebih dikenali sebagai '*Digital Malaysia*', kami telah memikirkan cara-cara untuk meningkatkan penerapan teknologi di kalangan PKS. Di antara contoh terbaik pada tahun 2013 adalah usaha kami dalam memudahkan proses pemerolehan dan mengurangkan kos penerapan platform e-Bayaran di kalangan PKS. Program e-Bayaran ini disasarkan kepada para pengusaha pasar tani, restoran kecil dan perniagaan kecil-kecilan yang bergantung kepada, di antaranya, pasar malam, pasar lambak dan industri kampung.

Sehingga akhir bulan Disember 2013, sebanyak 31,188 peniaga telah melanggan kepada beberapa pilihan sistem e-Bayaran dengan nilai keseluruhan transaksi berjumlah RM941 juta.

Enabling e-Payment Services for SMEs and Micro Enterprises Programme

In keeping with the vision and objectives of the Government's Digital Transformation Programme (DTP) or better known as 'Digital Malaysia', we have been thinking of ways to increase technology adoption among SMEs. For instance, our efforts in 2013 included simplifying the acquisition process and lowering the cost of adopting



e-Payment platforms among SMEs. The e-Payment Programme is targeted at the operators of "pasar tani", small restaurants, and small-hold businesses dependent on night markets, flea bazaars and cottage industries, among others.

As at end December 2013, a total of 31,188 merchants had subscribed to e-Payment options with the total transaction value recorded at RM941 million.

CAPACITY BUILDING PROGRAMMES

Business Accelerator Programme (BAP) and Enrichment & Enhancement Programme (E²)

BAP and E² are initiatives that support SMEs and Micro Enterprises to develop and accelerate the growth of their businesses by providing integrated assistance which covers company's assessment, business advisory, improvement activities and financial assistance to assist the company improve their business performance.

These programmes take an integrated approach through the following 4 components:

- Assessment on the company to identify business performance and requirements;
- Capacity building or skills enhancement to entrepreneurship training, awareness of branding and certification;
- Business advisory services by Business Counsellors and SME Expert Advisory Panel (SEAP); and
- Advisory services for access to financing from various financial institutions.

While BAP is catered for SMEs that receive 2-Star and above rating under SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE), E² is meant for Micro Enterprises and start-ups that are rated with Level 3 and below under Micro Enterprises Competitiveness Rating for Enhancement (M-CORE).

As at December 2013, a total of 616 companies had been assisted under BAP and E² with financial assistance, in the form of matching grants and soft loans, amounting to RM137.78 million. The total number of companies assisted as at 2013 had increased by 180% as compared to 2012. This is due to the expansion of the programmes to promote the development of innovative SMEs.

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI

Program *Business Accelerator (BAP)* dan Program *Enrichment & Enhancement (E²)*

BAP dan E² adalah inisiatif yang menyokong PKS dan Perusahaan Mikro untuk membangun dan mempercepat pertumbuhan perniagaan mereka dengan menyediakan bantuan bersepadu yang merangkumi penilaian syarikat, khidmat nasihat perniagaan, peningkatan aktiviti dan bantuan kewangan bagi membantu syarikat meningkatkan prestasi perniagaan.

Program-program ini mengambil pendekatan bersepadu melalui 4 komponen berikut:

- Penilaian ke atas syarikat untuk mengenal pasti prestasi dan keperluan perniagaan;
- Pembangunan kapasiti atau peningkatan kemahiran yang meliputi latihan keusahawanan, kesedaran mengenai penjenamaan dan pensijilan;
- Khidmat nasihat perniagaan oleh Kaunselor Perniagaan dan Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP); dan
- Khidmat nasihat untuk akses kepada pembiayaan daripada pelbagai institusi kewangan.

BAP disediakan untuk PKS yang menerima penarafan 2 Bintang ke atas di bawah Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE), manakala E² pula adalah untuk Perusahaan Mikro yang diberi Tahap 3 ke bawah di bawah Penarafan Daya Saing Perusahaan Mikro untuk Peningkatan (M-CORE).

Sehingga Disember 2013, sebanyak 616 syarikat telah menerima manfaat di bawah BAP dan E² dengan bantuan kewangan dalam bentuk geran bersamaan dan pinjaman mudah berjumlah RM137.78 juta. Jumlah syarikat yang telah menerima bantuan sehingga tahun 2013 telah meningkat sebanyak 180% berbanding setakat tahun 2012. Peningkatan tersebut adalah hasil daripada pengembangan program-program ini yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan PKS yang inovatif.

“Bagi perniagaan-perniagaan yang baharu seperti perniagaan saya, program-program ini amat membantu para usahawan seperti saya, yang masih baharu dalam industri dan menghadapi pelbagai cabaran dari segi akses kepada kewangan, kemahiran baharu dan khidmat nasihat perniagaan yang mampu diperolehi.”

Pemilik, Fabulous Fruit Sdn. Bhd.

Program Peningkatan Kemahiran

Sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan jumlah pekerja yang berpengetahuan dan menjana Ekonomi Berpendapatan Tinggi, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Program Peningkatan Kemahiran yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pemilik dan pekerja PKS.

Terdapat 46 Pusat Pembangunan Kemahiran dan Penyedia Latihan Profesional dilantik di seluruh negara yang menyediakan latihan melalui kursus pendek berkaitan kemahiran teknikal dan insaniah (*soft skills*). Pada tahun 2013, sejumlah 8,138 pemilik dan pekerja PKS telah dilatih dan mendapat manfaat daripada kursus-kursus berkaitan.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada majikan yang telah mengambil bahagian 3 bulan selepas tamat kursus, sebanyak 85% daripada mereka memperakui bahawa terdapat peningkatan di dalam produktiviti dan kecekapan pekerja mereka.



Skills Upgrading Programme

SME Corp. Malaysia, in line with the Government's initiatives to increase knowledge workers and generate a High Income Economy, implemented the Skills Upgrading Programme which aims at enhancing the skills and capabilities of the owners and employees of SMEs.

There are 46 appointed Skills Development Centres and Professional Training Providers nationwide that provide training through short courses on technical and soft skills. In 2013, a total of 8,138 owners and employees of SMEs were trained and had benefited from these courses.

